

**EKSPRESI PHILIP RICARDO BIJI TERHADAP MASYARAKAT
DI SABAH MELALUI ARCA ‘TANPA TAJUK’**
***PHILIP RICARDO BIJI’S EXPRESSION TOWARDS THE COMMUNITY IN
SABAH THROUGH ‘TANPA TAJUK’ SCULPTURE***

**Rohasmezan Hashim^{1,*},
Baharudin Hj. Mohd Arus²,
Zaimie bin Sahibil³**

¹⁻³Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTiF), Universiti Malaysia Sabah,
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah.
rohasmezanhashim@gmail.com; baharudin@ums.edu.my; affymie@ums.edu.my
Tarikh dihantar: 10 Disember 2021 Tarikh diterima: 28 Mac 2021

ABSTRAK

Kajian ini menjalankan analisis terhadap karya arca Philip Ricardo Biji berjudul ‘Tanpa Tajuk’ untuk menyingkap ekspresi pengarca terhadap masyarakat di Sabah. Data-data pemerhatian terhadap bentuk dan makna arca dianalisis melalui gabungan teori Ikonografi oleh Erwin Panofsky dan teori kritikan psikoanalisis oleh Sigmund Freud. Teori ikonografi terbahagi kepada tiga tahap. Kajian ini mendapati bahawa arca Philip Ricardo Biji mempunyai ekspresi yang menyerap ke dalam perasaan masyarakat di Sabah. Representasi bentuk semula jadi yang dipaparkan adalah imej manusia, sungai dan tahi lalat. Imej-imej tersebut menggambarkan motif pada anyaman dan tatu etnik Murut di Sabah. Motif-motif yang dipaparkan merujuk makna tentang budaya masyarakat Murut yang sedang bermesyuarat, acara minum tapai, aktiviti di sungai dan kepercayaan tentang keselamatan dari serangan buaya. Dari segi kritikan psikoanalisis pula, penghasilan arca seramik lebih menekankan kepada makna tersirat yang menggambarkan pengalamannya sebagai pelukis, pendidik dan ahli kraf serta aktiviti sosialnya bersama masyarakat etnik Murut. Arca ‘Tanpa Tajuk’ oleh Philip Ricardo Biji memaparkan ekspresi dari segi pemikiran, perlakuan dan perasaannya terhadap masyarakat Murut di Sabah.

Kata kunci: Seni arca, psikologi, budaya, ikonografi, psikoanalisis.

ABSTRACT

The purpose of this study is to analyze Philip Ricardo Biji’s sculpture entitled ‘Tanpa Tajuk’ in order to ascertain the sculptor’s perception toward the Sabah culture. Observational data on the form and context of sculptures were examined using a combination of Erwin Panofsky’s Iconographic theory and Sigmund Freud’s psychoanalytic criticism

theory. Three stages of iconographic theory occur. This research found that Philip Ricardo Biji's sculpture carries an expression that resonates with the community's emotions in Sabah. People, rivers and moles are all depicted as natural forms. The illustrations depict motifs found on Murut ethnic weavings and tattoos in Sabah. The motifs depicted are symbolic of the Murut society's culture, including gatherings, tapai drinking events, river activities and beliefs about crocodile safety. In psychoanalytic critique the development of ceramic sculpture exemplifies the implicit meaning of his experience with the Murut ethnic group as a painter, educator and craftsperson. The sculpture titled 'Tanpa Tajuk' by Philip Ricardo Biji expresses his thoughts, behaviour and feelings toward the Murut group in Sabah.

Keywords: Sculpture, psychology, culture, iconography, psychoanalysis.

PENGENALAN

Seseorang pengarca biasanya meluahkan perasaannya dalam mengolah bentuk arca agar menjadi objek yang dapat menyampaikan mesej kepada masyarakat. Luahan pengarca diperoleh melalui pengalaman daripada beberapa proses pemikiran, perlakuan dan perasaan semasa bersosial dengan masyarakat.

Mengikut beberapa penulis, terdapat kepelbagaiannya dalam bahan dan teknik boleh diolah bagi membina bentuk arca yang bersifat tiga dimensi (Ocvirk *et al.*, 2006:222; Baharudin, 1996; Preble *et al.*, 2002:194; Rogers, 1969:13). Karya arca juga mempunyai makna serta bersumberkan idea dari aktiviti yang dilakukan sehari-hari bersama masyarakat (Mulyadi Mahamood, 1995: 122).

Sejarah seni arca moden di Sabah mula berkembang pada tahun 1970-an. Penghasilan arca pada tahun 1970-an hingga 1990-an dipersembahkan dalam bentuk abstrak, iaitu seni arca yang diolah menggunakan unsur rekaan seperti garisan, rupa, jalinan, bentuk, warna dan ruang. Tema yang terkandung pada arca ketika itu adalah berdasarkan tentang tema negeri Sabah. Arca dibina dengan menggunakan media besi, tembikar dan kayu (Ismail Ibrahim, 2005:109-115). Philip Ricardo Biji adalah salah seorang pelopor seni arca di Sabah pada tahun 1970-an hingga 1980-an bersama-sama dengan Mohd. Junaidi Ismail. Pada tahun 1990-an, pelopor seni arca diwakili oleh beberapa pengarca seperti Ahmad Shah Ag Tengah, Syora Buraera, Chee Sing Teck dan Mohd Shaari Salleh.

Philip Ricardo Biji dilahirkan pada 24 Februari 1943 di Kampung Limbanak, Penampang, Sabah [Rajah 1, (i)] gambar potret pengarca]. Beliau mendapat pendidikan awal dalam Pendidikan Seni dari Maktab Perguruan Gaya pada tahun 1963 hingga 1964. Selepas mengajar selama tiga tahun, beliau

menyambung pelajaran di Maktab Perguruan Ilmu Khas pada tahun 1967. Kemudian, beliau melanjutkan pengajiannya dalam bidang Seni Tembikar dan dianugerahkan Advanced Diploma Educational Studies dari Brighton Polytechnic College of Art, United Kingdom pada tahun 1973 hingga 1974. Setelah tamat pengajian, beliau bertugas di Sekolah Menengah Kebangsaan Gunsanad, Keningau. Pada tahun 1977, beliau dilantik menjadi pensyarah Pendidikan Seni di Maktab Perguruan Gaya, Kota Kinabalu dan bertugas di sana selama 14 tahun. Pada tahun 1979, beliau dilantik menjadi Ketua Jabatan Seni di Maktab Perguruan Gaya. Pada tahun 1990, beliau dipertanggungjawabkan di Koperasi Pembangunan Desa (KPD) Sabah dengan menjawat jawatan sebagai Pegawai Kraf Tangan. Sumbangan dan jasa beliau dalam bidang seni dan kraf membawa kepada penganugerahan bintang kebesaran sebagai Ahli Darjah Kinabalu (A.D.K.) kepadanya pada 1991. Beberapa siri pameran pernah disertai seperti di Brighton Polytechnic College of Art pada tahun 1974. Seterusnya, Pameran Pembuatan Tembikar Berhias di Maktab Perguruan Khas di Cheras, Kuala Lumpur pada tahun 1967. Pada tahun 1985, beliau mengadakan pameran solo seni tembikar di Balai Seni Lukis Sabah. Beliau yang meminati bidang seni telah menyertai Badan Seni Sabah dan memegang jawatan yang tinggi dalam persatuan tersebut. Beliau juga menjadi ahli jawatankuasa tetap Balai Seni Lukis Sabah dari tahun 1986 hingga 1991 (Teddy Marius Soikun, 2013: 112-125).



(i) Gambar potret tokoh (ii) Arca ‘Tanpa Tajuk’ dihasilkan (iii) Lakaran struktur arca pada tahun 1989

Rajah 1 Gambar tokoh, karya dan lakaran struktur ‘Tanpa Tajuk’

*Sumber: Gambar (i) - *Katalog Pameran Karya Undangan Tahunan*. (1989). Kota Kinabalu: Balai Seni Lukis Sabah. pp. 20. Gambar (ii) - Ismail Ibrahim (2005). *Sejarah Perkembangan Seni Lukis Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah. hlm. 46.

Bahan dan Kaedah


Kajian ini menjalankan analisis terhadap karya arca Philip Ricardo Biji yang bertajuk ‘Tanpa Tajuk’ yang memaparkan ekspresi pengarca terhadap masyarakat

di Sabah, [Rajah 1, (ii) Arca ‘Tanpa Tajuk’ yang dihasilkan pada tahun 1989]. Arca ini pernah dipamerkan dalam Pameran Karya Undangan Tahunan pada tahun 1989 di Balai Seni Lukis Sabah. Bahan arca ini diperbuat daripada tanah liat dan menggunakan teknik putaran dan teknik lingkaran dalam pembuatan seramik bagi membentuk arca (Katalog Pameran Karya Undangan Tahunan, 1989: 5).

Pemerhatian dan pengkajian terhadap bentuk dan makna arca dianalisis berdasarkan gabungan teori ikonografi oleh Erwin Panofsky dan teori kritikan psikoanalisis oleh Sigmund Freud. Penggunaan teori ikonografi khususnya diaplikasi untuk menjelaskan makna dari segi visual dan teori psikoanalisis pula digunakan untuk mengkaji psikologi terhadap pengarca dan karya seni arcanya.

Teori ikonografi terbahagi kepada tiga peringkat, iaitu peringkat primer mengkaji subjek kajian semula jadi melalui kajian fakta dan ekspresi. Kajian fakta bermaksud mengkaji asas seni reka yang dipaparkan pada reka bentuk arca yang terdiri daripada unsur seni reka dan prinsip rekaan. Kajian ekspresi pula adalah mengkaji representasi bentuk semula jadi. Seterusnya, peringkat sekunder pula merujuk kepada kajian tentang subjek yang biasa atau yang menjadi kebiasaan dalam membentuk alam imej, cerita dan karya yang melibatkan watak, peristiwa dan lain-lain penjelasan yang lebih mendalam. Akhirnya, penjelasan di peringkat makna intrinsik atau kandungan karya yang membentuk alam penilaian simbolik (Panofsky, 1955: 28).

Teori kritikan psikoanalisis pula dibahagikan kepada tiga peringkat. Peringkat pertama disebut alam sedar iaitu mengkaji Id. Kajian Id adalah kajian tentang kehendak pengarca melalui pengalaman, ingatan, persepsi pengarca secara disedari. Peringkat kedua adalah alam sedar yang mengkaji Ego, iaitu menjelaskan bagaimana cara pengarca memuaskan atau menjelaskan Id dan Superego. Ego menjelaskan kuasa dalam jiwa pengarca, iaitu mengawal kehendak Id untuk menentukan apa yang baik dan apa yang buruk, sesuai atau tidak. Akhirnya, peringkat ketiga adalah kajian alam tidak sedar atau alam prasedar. Kajian alam tidak sedar merujuk kepada pengalaman, ingatan, persepsi, sensasi, fikiran, emosi pengarca secara tidak sedari, ketahui dan ingati. Kajian alam pra sedar adalah kajian bahan yang tidak disedari tetapi dapat direnung dan diingat kembali ke alam sedar (Mahmood Nazar Mohamed, 2018: 258-262).



Rajah 2 Lakaran struktur dan ikon pada arca ‘Tanpa Tajuk’

Kajian dan Perbincangan

Arca Philip Ricardo Biji memaparkan ekspresi yang menyerap ke dalam perasaan masyarakat di Sabah. Ekspresi ini dapat dijelaskan melalui kajian ikonografi yang menjelaskan elemen visual, iaitu digambarkan melalui olahan unsur seni reka iaitu titik, garisan, rupa, jalinan dan bentuk pada peringkat pertama dalam kajian ikonografi. Kajian visual dapat dalam Rajah 1, (iii) adalah struktur arca yang menampilkan elemen visual berdasarkan olahan aras seni reka. Rajah 2, (i) adalah lakaran ikon atau motif yang memaparkan rupa organik yang bersifat simetrikal pada ragam hias seni arca. Rajah 2, (ii) adalah lakaran ikon yang memaparkan olahan garisan lurus, garisan beralun dan garisan zig zag pada bahagian tengah dan bahagian atas arca. Rajah 2, (iii) pula adalah lakaran ikon bersifat geometrik sebagai ragam hias memanjang pada bahagian tengah arca. Rajah 2, (iv) adalah lakaran ikon yang mewakili olahan titik-titik sebagai hiasan pada bahagian atas arca.

Dalam analisis ikonografi peringkat kedua, olahan aras seni reka dalam kajian peringkat pertama telah mewujudkan representasi bentuk semula jadi. Representasi ini menunjukkan imej manusia, sungai, tahi lalat dan siput. Kesan visual ini dapat dipaparkan pada Rajah 3, (i) iaitu, lakaran motif a dan b sebagai motif yang merujuk kepada imej manusia. Lakaran motif dalam Rajah 3, (ii) c dan d adalah motif daripada imej sungai. Lakaran motif pada Rajah 3, (iii) e dan f adalah motif yang merujuk kepada imej tahi lalat. Lakaran dalam Rajah 3, (iv) pula memaparkan motif g dan h yang merujuk kepada motif atau imej siput. Imej-imej yang dipaparkan adalah transformasi motif yang lazimnya terdapat pada anyaman, seni hiasan tatu dan corak pakaian tradisional etnik Murut di Sabah. Motif dalam Rajah 3, a dan b dipanggil *Nantapuan*, *Pinanggulun*, *Natingkung*, *Nangantisan*, *Inimpoi* dalam bahasa etnik Murut. Motif dan ragam hias ini biasanya diaplifikasi pada seni anyaman atau *Apin* atau *Lantungan*. Motif c dan d dalam Rajah 3, pula dipanggil *Simpalilit* yang merujuk sifat bengkang-bengkok sungai. Corak ini

terdapat pada seni anyaman dan pakaian tradisional etnik Murut. Motif dalam Rajah 3, e dan f dipanggil *Tinulimpok* dan *Pinipiloh* yang bermaksud tahi lalat dan tanda lahir terdapat pada olahan corak tatu atau *Popok* (Ismail Ibrahim, 2012: 185, 193, 195). Motif g dan h pula dikenali sebagai *Udik* dan *Sulou* yang bermaksud siput laut kecil dan kerang besar yang terdapat dalam corak pakaian tradisional etnik Murut (Humin Jusilin *et al.*, 2019 :104, 143, 205).


Dominasi motif-motif dalam seni arca membawa makna yang mendalam tentang budaya masyarakat Murut. Motif a dan b dalam Rajah 3 merujuk kepada perlambangan tentang masyarakat Murut yang sedang melakukan perjumpaan, mesyuarat atau acara minum tapai. Motif c dan d dalam Rajah 3 pula, membawa makna tentang aktiviti ekonomi masyarakat Murut yang bergantung kepada hasil sungai. Motif e dan f Rajah 3 adalah merujuk kepada seni tatu masyarakat Murut. Motif ini menjelaskan tentang kepercayaan dan mitos mereka yang pernah diselamatkan daripada serangan buaya.

Berdasarkan analisis dan kritikan psikoanalisis, Id iaitu kehendak pengarca menghasilkan karya arca seramik *non-functional*, iaitu penghasilan karya yang lebih menekankan makna tersirat, menggambarkan pengalamannya sebagai pelukis, pendidik dan ahli kraf yang kebanyakannya aktiviti sosialnya dalam masyarakat etnik Murut.

Karya ini menyampaikan idea, mesej dan tema yang menjurus kepada budaya masyarakat Murut di Sabah. Dalam kajian Ego, pengarca ingin menjelaskan atau memuaskan Id dengan penampilan ikon atau imej manusia, sungai dan tahi lalat sebagai representasi budaya masyarakat Murut pada permukaan arca seramiknya.

Dari segi kajian Superego pula, pengarca menjelaskan dan mengawal kehendak Id melalui pemilihan bahan seramik mengikut kehendak dan minatnya terhadap teknik pembuatan seramik bagi menyampaikan mesej budaya masyarakat Murut.

Kajian alam tidak sedar pula merujuk kepada pemikiran dan perlakuan pengarca tanpa sedar mempunyai kaitan dengan motif dalam karya. Kajian alam prasedar pula merujuk kepada dominasi hubungan motif dan kepercayaan masyarakat Murut yang berkaitan dengan pengalaman pengarca secara tidak disedari tetapi boleh dikesan.



Rajah 3 Lakaran motif dalam masyarakat Murut

KESIMPULAN

Arca ‘Tanpa Tajuk’ oleh Philip Ricardo Biji menampilkan ekspresi pemikiran, perlakuan dan perasaannya terhadap masyarakat Murut di Sabah. Ekspresi tersebut digambarkan melalui ikon-ikon pada permukaan arca yang merujuk kepada motif yang terdapat pada anyaman, tatu dan pakaian tradisional masyarakat Murut. Secara disedari, perasaan pengarca dikawal melalui proses pemikiran dan perlakuan budaya masyarakat Murut dalam pelbagai aktiviti dalam kehidupan. Pengalaman ini memungkinkan beliau meluahkan ekspresi tersebut pada bentuk arca. Justeru, karya arca ini menyampaikan mesej tentang budaya Murut khususnya di negeri Sabah.

PENGHARGAAN

Penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Baharudin Hj. Mohd, Dr. Zaimie bin Sahibil, keluarga mendiang Philip Ricardo Biji, pihak Balai Seni Lukis Sabah dan Universiti Malaysia Sabah bagi menjayakan penulisan ini.

RUJUKAN

- Baharudin Mohd. Arus. (1996). Seni arca dalam budaya Malaysia. Balai Seni Lukis Negara. *Katalog pameran seni arca kontemporari Malaysia: Persoalan tradisi dan kemodenan*. Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.
- Humin Jusilin, Ismail Ibrahim & Angeline Toe Yu Yun. (2019). *Warisan busana Murut: Motif dan corak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Ibrahim. (2005). *Sejarah perkembangan seni lukis Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah. pp. 109-115.
- Ismail Ibrahim. (2012). *Warisan motif dan corak Murut*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Katalog Pameran Karya Undangan Tahunan. (1989). Kota Kinabalu: Balai Seni Lukis Sabah.
- Mahmood Nazar Mohamed. (2018). *Pengantar psikologi: Pengenalan asas kepada jiwa dan tingkah laku manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. pp. 258-262.
- Mulyadi Mahamood. (1995). *Isu kemasyarakatan dalam Karya Zulkifli Yusof, seni lukis dalam Peristiwa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ocvirk, O.G., Stinson, R.E., Wigg, Stinson, Wigg, P.R., Bone, R.O. & Cayton, D.L. (2006). *Art fundamental: Theory and practise (10th ed.)*. New York: Mc Graw-Hill.
- Panofsky, E. (1955). *Meaning in visual arts*. New York: Doubleday Anchor Books/ Doubleday & Company, Inc.
- Preble, D., Preble, S. & Frank, P. (2002). *Artforms: An introduction to the visual arts*. (7th ed.). New Jersey: Prentice Hall.
- Roger, L.R. (1969). *The appreciation of the arts/ 2. Sculpture*. London: Oxford University Press.
- Teddy Marius Soikun. (2013). Pelukis Veteran Sabah, Aktivis Kraf dan Tokoh Inovasi Sabah dalam Menongkah Arus Perdana: Philip Ricardo Biji. Dlm. *Kumpulan Esei Menongkah Arus* (hlm. 112-125). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.